

Headline **Lelaki miang idam pengkid**  
Date **06 May 2010**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Setempat**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **2**  
Article Size **343 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **7,375**  
PRValue **22,125**



# Lelaki miang idam pengkid

## Dakwa bosan dilayan wanita, mahu layanan 'ganas'

**Suraya Roslan dan Raja Noraina Raja Rahim**

**K**UALA LUMPUR: Golongan pengkid kini dijadikan sasaran utama sindiket pelacuran murah bagi memenuhi nafsu serakah lelaki miang berusia 50-an yang dikatakan ingin mengubah selera kerana sudah bosan dengan tubuh wanita.


Selera luar biasa lelaki hidung belang itu menyebabkan pengkid terbabit sering didekati bapa ayam bagi menawarkan pekerjaan sambilan itu.

Mereka ini yang ramai bergerak dalam kumpulan di Chow Kit berhampiran stesen monorel, sering didekati bapa ayam yang berkeliaran di kawasan itu untuk menawarkan pekerjaan dengan bayaran tertentu.

Biasanya, mereka ini menggunakan istilah baru iaitu 'mahu jual emas' apabila mendekati pengkid terbabit. Jika bersetuju, pelanggan sudah sedia menanti di hotel murah berhampiran.

Pengkid yang hanya mahu dikenali sebagai Man, 24, mengakui pernah ditawarkan seorang bapa ayam untuk melakukan perbuatan terkutuk berkenaan.

"Saya terkejut apabila disapa sebegini, mulanya saya tidak mengerti apa maksud



**TAK MALU...pasangan pengkid yang menawarkan khidmat 'mahu emas'.**

sebenar, apabila saya bertanya, lelaki itu berkata mahu tubuhnya dijual atau tidak. Selepas itu, saya mengerti 'emas' membawa maksud kemaluan.

"Jika bersetuju, saya akan dibawa ke hotel murah dan diberi bayaran seperti dikanjikan," katanya.

Menurutnya, bapa ayam terbabit sering berkeliaran menggunakan motosikal di lorong kecil di belakang hotel murah di Chow Kit untuk mencari penjual 'emas'.

"Saya pernah melihat, seorang pelacur berusia 40-an

pengkid, saya rasa mereka sukakan golongan 'ganas' seperti kami," katanya.

Tinjauan Harian Metro selama dua jam di hotel yang dimaksudkan Man mendapati ia dijaga rapi beberapa bapa ayam.

Difahamkan, Man yang berasal dari Pahang ini menyifatkan lelaki veteran ini lebih cenderung memilih pengkid kerana beranggapan golongan sepertinya lebih selamat daripada penyakit berjangkit seperti HIV berbanding golongan pelacur yang kerap bertukar pelanggan.

"Saya pernah bertanya salah seorang warga emas itu kenapa mereka lebih memilih golongan sepertinya, dia berkata pada usia emas ini, mereka sudah bosan dilayan wanita yang bersifat kewanitaan dan mahukan layanan 'ganas' dan lain daripada biasa," katanya.

Man yang ditemani seorang lagi rakan pengkidnya, Zack, 21, turut mengakui pernah ditawarkan layanan seperti itu, tetapi menolak kerana tiada hati pada golongan lelaki.

Zack yang berasal dari Terengganu, berharap pihak berkuasa dapat melakukan sesuatu untuk membanteras aktiviti tidak sihat ini daripada berleluasa selain menyelamatkan pengkid lain daripada tersasar jauh.

menunggu pelanggan di dalam kereta dan berlaku sesi jual beli 'emas' di situ dan selepas itu mereka terus ke hotel murah berhampiran," katanya.

Sambil menceritakan pengalamannya itu, Man yang dulunya pernah bekerja di sebuah kedai di kawasan itu, kerap melihat pelanggan keluar dan masuk hotel murah berkenaan yang dijadikan sarang pelacuran.

"Lebih mengejutkan, kebanyakan pelanggan berusia 50-an yang begitu menginginkan tubuh mereka dibelai